

16 MAY 2001  
UGANDA-PELABURAN  
UGANDA RUMUS STRATEGI UNTUK TARIK PELABUR MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Uganda sedang merumus satu strategi bagi menarik pelabur-pelabur, khususnya dari Malaysia, untuk melabur di negara itu, kata Menteri Negaranya bagi Perdagangan Industri dan Pelancongan, Abel Rwendaire hari ini.

Kata beliau, antara lain, strategi tersebut diharapkan dapat mengurangkan atau menghapuskan pencukaian berganda.

"Kami telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji strategi itu dan kami berharap dapat menandatangani satu perjanjian pada bulan Ogos apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di Uganda," katanya pada satu seminar bertajuk 'Peluang-peluang perniagaan di Uganda', yang diadakan di sini.

Dr Mahathir akan menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan di Uganda dari 17 hingga 21 Ogos.

Rwendaire berkata sektor-sektor berpotensi bagi pelabur termasuklah industri percetakan, pendidikan, kesihatan, tekstil dan sumber-sumber air.

Beliau menegaskan bahawa ekonomi Uganda kini dilonggarkan dan dibuka sepenuhnya kepada pelaburan asing, tanpa sebarang sekatan ke atas penghantaran pulang dividen.

"Kami membenarkan 100 peratus pemilikan asing dan mereka boleh melabur dalam sebarang kegiatan ekonomi," jelas Rwendaire.

Saiz ekonomi Uganda telah meningkat lebih sekali ganda dari segi sebenar, dengan peningkatan pengeluaran per kapita sebenar sebanyak lebih 50 peratus antara tahun-tahun 1986/87 dan 1999/2000.

"Ekonomi Uganda berkembang pada kadar 5-6 peratus setahun sejak 15 tahun lalu dan ini merupakan salah satu ekonomi yang terpantas pertumbuhannya di Afrika sub-Sahara," katanya.

Bagi mempermudah pelabur, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Pelaburan Uganda yang merupakan kemudahan setempat bagi sektor swasta, katanya.

Pelabur-pelabur asing boleh juga menginsuranskan pelaburan mereka bagi melindunginya daripada pelbagai risiko bukan komersil di Uganda, kerana negara itu adalah ahli Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala (MIGA).

Rwendaire juga berkata, perlembagaan Uganda menjamin hak kepada harta dan ia mempunyai perjanjian perlindungan pelaburan dua hala dengan beberapa negara. -- BERNAMA

FAY FR KY OS